

G44 GLOBAL ASSOCIATION OF INTERNATIONAL ARTISTS



MEMPERSEMBAHKAN



"Inisiatif bukan berasaskan untung bertujuan untuk membantu pembelajaran di kalangan pelukis generasi muda yang menjalankan program pertukaran"

www.artgaienet.org

Projek GAIA

Projek GAIA merupakan inisiatif budaya bukan berasaskan untung yang dilancarkan untuk menggalakkan aktiviti dan memperluas pengalaman pelukis generasi muda Australia dan antarabangsa. Objektif projek tersebut adalah untuk mempromosikan pertukaran antara budaya tempatan, tradisi dan lagenda rakyat dengan karya seni pelukis generasi muda di peringkat antarabangsa.



VISI

Pada zaman yang menitikberatkan sains and teknologi ini, fokus pada seni, terutamanya di antara generasi muda adalah penting untuk pembangunan harmoni dan aman dalam masyarakat. Pertukaran idea seni antara generasi muda dari negara yang belainan akan mewujudkan suasana yang menggalakkan persefahaman, kerjasama dan pembelajaran di kalangan pelukis generasi muda. Oleh itu, masyarakat global yang lebih bersatu padu dapat dilihat.

MISI

Projek GAIA mempunyai objektif yang sama dengan the Australian-European Network (AEN) and the Utrecht Network (UN) iaitu membolehkan pelajar universiti untuk mengetahui lebih tentang dunia ini dengan melibatkan diri dalam program pertukaran. Projek GAIA juga memberi peluang untuk pelukis generasi muda mendedahkan diri di landskap yang berbeza dalam aspek budaya dan geografi. Hal ini dapat meluaskan pengalaman dan mempertingkatkan bakat seni mereka.

LEBIH DARIPADA SATU PROJEK

Projek GAIA mewujudkan peluang kepada pelukis generasi muda berumur antara 18 hingga 30 tahun untuk menyertai program pertukaran antarabangsa. Pelukis yang beminat untuk melibatkan diri dalam program tersebut perlu menghantar karya seni yang bertemakan budaya tempatan, tradisi dan legenda rakyat yang berkenaan dengan asal pelukis tersebut kepada GAIA. Projek GAIA bukan sahaja satu program pertukaran bagi pelukis, GAIA juga merupakan masyarakat seni, rangkaian seni dan pemangkin bagi pelukis generasi muda.



PROGRAM PERTUKARAN ANTARABANGSA

Projek GAIA ialah peluang bagi pelukis kiasan generasi muda untuk melibatkan diri dalam Program Pertukaran Antarabangsa GAIA. Pelukis yang beminat untuk menyertai dalam program tersebut perlu menghantar dua karya seni atau lebih yang bertemakan budaya tempatan, tradisi dan legenda rakyat yang berkenaan dengan asal pelukis tersebut kepada ahli Jawatankuasa Seni GAIA. Pelukis yang berjaya dipilih akan berpeluang untuk bekerja, belajar dan meningkatkan pembangunan profesional di luar negara serta dibimbing oleh artis GAIA dan menggalakkan untuk menghasilkan karya seni yang diilhamkan oleh pengalaman mereka di luar negara.



KOMUNITI SENI ANTARABANGSA

Pelukis-pelukis generasi muda yang memohon program pertukaran akan menjadi sebahagian daripada komuniti rangkaian seni sosial yang dijalankan dalam portal GAIA. Dalam portal tersebut, pelukis boleh mendirikan laman web sendiri untuk mempamerkan karya seni. Selain itu, pelukis juga boleh mengeskan berita seni, blog komuniti dan direktori seni Australia dan antarabangsa. Penglibatan diri dalam projek GAIA membolehkan Pelukis generasi muda berinteraksi dengan pelukis profesional yang merupakan ahli Jawatankuasa Seni GAIA di negara tersebut.



RANGKAIAN DAN PERKHIDMATAN SENI

Projek GAIA boleh membantu pelukis-pelukis generasi muda untuk mengakses:

- Institusi seni antarabangsa
- Komuniti seni termasuk persatuan, galeri, pengurus muzium dan galeri, majalah berkenaan seni
- Kedai karya seni, bahan seni, teknik seni dan perkhidmatan seni
- Maklumat dan sokongan bagi mendapat geran dan permohonan
- Seminar/ Bengkel mengenai seni
- Peluang untuk mempamerkan karya seni
- Laman web untuk institusi seni dan program
- E-pemasaran dan rangkaian sosial



ANUGERAH PELUKIS GENERASI MUDA

Apabila program pertukaran telah tamat, projek GAIA akan menganjurkan acara gala untuk mempamerkan karya seni pelukis yang dihasilkan sepanjang program pertukaran. Dalam acara tersebut, anugerah GAIA akan dianugerahkan oleh ahli Jawatankuasa Seni kepada penghasil karya seni yang paling sesuai untuk memaparkan budaya tempatan, tradisi dan legenda rakyat negara yang dikunjungi oleh penghasil dalam program pertukaran. Pemenang anugerah GAIA juga akan menjadi salah seorang ahli Jawatankuasa Seni GAIA. Semua pelukis yang menjalankan program pertukaran berpeluang untuk mempamerkan karya seni secara kumpulan yang dianjurkan oleh pihak GAIA.

STRUKTUR ORGANISASI

GAIA dioperasikan oleh 3 jenis ahli jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Eksekutif, Jawatankuasa Kemudi dan Jawatankuasa Seni.

Rangka operasi GAIA melibatkan 4 pemegang amanah iaitu organisasi kerajaan, rakan kongsi, penderma dan penaja.

3 JENIS AHLI JAWATANKUASA:

AHLI JAWATANKUASA EKSEKUTIF

Pengarah dan Ketua Setiausaha bertanggungjawab untuk menguruskan pejabat dan menjalankan operasi pejabat/ menyediakan laporan kepada ahli dan pemegang amanah (ASIC, ATO, ACNC, Ahli, Pelukis and Komuniti Seni). Ahli Jawatankuasa Eksekutif mencalonkan Pengerusi.

AHLI JAWATANKUASA KEMUDI


Dermawan/ahli promosi, pakar seni dan penderma digalakkan untuk memberi bimbingan yang strategik kepada ahli Jawatankuasa Eksekutif bagi memastikan penglibatan yang berkesan antara kerajaan, orang ramai dan sektor swasta. Ahli Jawatankuasa Kemudi dan ahli Jawatankuasa Eksekutif mencalonkan ahli dan Pengerusi bagi Komuniti Seni.

AHLI JAWATANKUASA SENI

Pelukis profesional dan pakar seni akan menyumbang kepada operasi GAIA dengan menyenarai pendek dan memilih karya seni yang dihantar oleh pelukis-pelukis generasi muda bagi memenuhi tujuan projek GAIA. Mereka juga bertanggungjawab untuk melengkapkan kandungan portal GAIA dan memberi nasihat serta melatih pelukis-pelukis generasi muda antarabangsa di negara yang dikunjungi sepanjang program pertukaran.



GAIA'S OPERATING MODEL



Objektif projek GAIA adalah untuk memberi peluang kepada pelukis yang berbakat bagi menyertai Program Pertukaran. Pelukis juga dapat berhubung dengan komuniti seni luar negara. Dengan itu, pelukis boleh mendapat idea baru melalui landskap dan budaya dialami di luar negara.

Hal ini akan dilaksanakan melalui rangkai ahli dari Komuniti Seni GAIA dan rakan kongsi tempatan seperti institusi seni dan universiti, persatuan seni, galeri dan pengurus muzium dan galeri. Rangka operasi GAIA direka untuk menyediakan pelbagai perkhidmatan kepada pelukis generasi muda bagi menambah pendedahan karya seni pelukis

- dengan mempamerkan karya seni di tempat peribadi atau awam Penderma,
- di acara seni serta pameran yang dianjurkan oleh GAIA
- dalam laman web dengan perkhidmatan yang dibekalkan oleh GAIA melalui portal.

PROGRAM PENDERMA GAIA

Program Penderma GAIA bertujuan untuk merangkumi penderma, penaja dan rakan kongsi dalam penyediaan tempat dan peluang bagi mempamerkan karya seni pelukis generasi muda yang menyertai program pertukaran GAIA.

Melalui rangkaian penderma dan penaja, projek GAIA dapat menganjurkan pameran karya seni pelukis di tempat awam. Tempat-tempat yang digunakan untuk tujuan pameran termasuk premis milikan penderma atau tempat awam yang dipilih oleh penderma/ penaja. Penderma juga digalakkan untuk memberi sokongan kepada pameran karya seni di institusi dan universiti. Hal ini disebabkan institusi dan universiti merupakan lokasi bengkel seni yang dijalankan oleh para pelukis GAIA untuk menerangkan unsur seni yang tersurat dan tersirat dalam karya seni mereka kepada orang ramai. Penaja, rakan kongsi dan institusi berkonsep amal juga digalakkan untuk mempamerkan karya seni mereka dan mengadakan acara dibuka kepada orang ramai. Karya seni akan dipamer bersamaan dengan nama pelukis, ciri-ciri dan keterangan tentang karya seni dan butir-butir untuk menghubungi pihak GAIA bagi memudahkan pembelian karya seni yang diingini. Kempen pemasaran yang diturut serta oleh penaja GAIA dan acara yang ditaja oleh rakan kongsi GAIA mempunyai objectif yang berikut:

- (1) meningkatkan kesedaran orang ramai tentang program GAIA
- (2) menyemai visi dan misi GAIA di kalangan pelukis generasi muda yang baru.

TAHUKAN ANDA...?



When the GAIA Project was Sema-
sa projek GAIA dilancarkan, presiden
Itali, Giorgio Napolitano telah men-
ganugerahkan satu Pingat kepada
pihak GAIA. Tujuan penganugerahan
pingat kepada projek GAIA adalah
untuk memberi penghargaan atas
*“Keberkesanan dalam memupuk ar-
tis muda, suasana yang menggalak-
kan persefahaman, kerjasama dan
pembelajaran. Oleh itu, hal ini dapat
mewujudkan realiti antarabangsa
yang lebih bersatu padu.”*



B ORANG DERMAAN

Nama _____

Alamat _____

_____, Poskod _____

Telefon _____

Emel _____

Berwawasan \$50,000+ Pelanggan Tetap \$20,000-\$50,000 Sahabat \$10,000-\$20,000 Penyokong \$5,000-\$10,000 Rakan \$1,000-\$5,000 Penderma \$200-\$1,000

- Sebagai seorang penderma berwawasan, saya ingin menjadi sebahagian daripada ahli Jawatankuasa Kemudi. Sila hubungi saya untuk berbincang tentang perkara tersebut dengan selanjutnya.
- Saya berminat untuk meninggalkan wasiat. Sila hubungi saya untuk berbincang tentang perkara tersebut
- Saya/Kami tidak ingin diketahui.

BUTIR-BUTIR PEMBAYARAN

PAYPAL

Pembayaran dalam talian boleh diurus melalui Paypal dan didapati di www.artgaianet.org

CEK

Sila dapat cek berjumlah \$ _____
(dibayar kepada Global Association of International Artists - G.A.I.A. Ltd)

DEPOSIT TERUS

Nama Akaun: Global Association of International Artists - G.A.I.A. Ltd
BSB: 633 000 **Nombor Akaun:** 157 5158 42

Sila hantar emel berkenaan dengan pembayaran kepada info@artgaianet.org termasuk menyatakan keutamaan anda bagi pengakuan awam dan sila sertakan alamat pos bagi penghantaran resit.

KAD KREDIT

Sila debit kad kredit saya berjumlah \$ _____ Amex Mastercard Visa

Nama pemegang kad _____

Nombor kad [] Tarikh Lupute _ _ / _ _

Tandatangan _____

RAKAN KONGSI KAMI YANG DIHARGAI

RAKAN KONGSI INSTITUSI



Camera
dei
deputati



Accademia di Belle Arti di Napoli



RAKAN KONGSI EROPAH



Committee Italy - Bulgaria
to walk together towards 2019



FORUM
NAZIONALE
DEI GIOVANI



RAKAN KONGSI ASIA



CHN
NETWORK
Where all good things in life meet...

CONNECT MALAYSIA



RAKAN KONGSI OCENIA



VooDU
marketing



SPACE
@Collins

ART • CULINARY • EVENTS

PENAJA KORPORAT



SEGMENT



Alamat 203 Maribyrnong Rd Ascot Vale, Melbourne VIC 3032 Australia
Telefon +61 410 860 036 Emel info@artgaienet.org Web www.artgaienet.org